

AS akan guna Israel serang Iran — Dr. M

um-16/2/2005:3
KUALA LUMPUR 15 Feb. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Amerika Syarikat (AS) tidak akan menyerang Iran secara terus sebaliknya mempergunakan Israel bagi melaksanakan niat jahatnya itu.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, kaedah yang serupa itu akan digunakan sebagaimana AS mula menyerang Iraq sebelum ini dengan mengarahkan rejim Yahudi mengebom negara Teluk itu.

“Hari ini kita lihat AS berjaya melagagakan rakyat Iraq sehingga berbunuhan sesama sendiri,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas hasrat Presiden George W. Bush yang pernah membayangkan akan mengambil tindakan ketenteraan terhadap Teheran atas dakwaan membangunkan senjata nuklear.